

21 FEB 2001

Muhammad-Sumpah

MUHAMMAD SEDIA BERSUMPAH NAFI DAKWAAN AZMIN

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Naib presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhd Taib hari ini menafikan sekeras-kerasnya dan bersedia bersumpah dengan nama Allah s.w.t bagi menyangkal kenyataan pemimpin Keadilan Azmin Ali mengenai isu perbincangan yang dikatakan berlaku ketika beliau mengerjakan umrah baru-baru ini.

"Saya bersedia bersemuka dengan Azmin Ali bagi membuktikan kenyataan itu adalah satu pembohongan. Bukan itu sahaja, saya juga meminta Azmin bersama saya bersumpah di mana-mana msjid ke atas kenyataan yang sengaja direka oleh beliau itu, katanya.

"Ini soal agama, Azmin tidak sepatutnya menggunakan Kaabah sebagai alat untuk beliau melakukan pembohongan itu. Saya hanya bertemu dengannya di Madina, tetapi tidak pernah membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan politik. Perbuatan memutar belit fakta dan pertemuan di tanah suci seumpama ini tidak seharusnya wujud jika seseorang itu mengaku bahawa dia seorang Islam dan mentaati suruhan Allah," katanya kepada Umno-Online di sini.

Muhammad memberitahu Umno-Online beliau tidak pernah berjumpa Azmin Ali di hadapan Kaabah dan tidak pernah berbincang dengannya mengenai isu politik termasuk menyentuh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seperti dakwaan Azmin dalam akhbar dan Internet.

Muhammad berkata beliau juga mendapat tahu bahawa Azmin masih terus melemparkan dakwah palsu mengaitkan pertemuan itu dalam siri ceramahnya di samping tulisan dalam laman web pembangkang.

Beliau meminta agar Azmin menghentikan segera perbuatan yang berniat jahat itu kerana ia bukan sekadar satu pembohongan tetapi jelas melanggar larangan Islam.

"Saya tidak tahu apa motif Azmin tetapi paling jelas ia berniat jahat, dengan itu beliau sepatutnya bertanggungjawab terhadap kenyataan dan pembohongannya dengan berani bersumpah di masjid seperti yang dikehendaki Islam," katanya

-- BERNAMA

RV RV RI